

Berani atau tidak: Tinjauan kebangsaan terhadap sokongan kempen anti merokok (*Speak out*) di Malaysia

Dare or not: A national survey on the support of the anti-smoking campaign (Speak out) in Malaysia

Mohd Haazik Mohamed, Wanda Kiyah George Albert
Universiti Malaysia Sabah

Yessy Octavia Misdi*, Muhammad Muzammil Ishak, Mohamed Syakreen Razali, Shareza Mardan,
dan Erni Hafiza Zakaria
Bahagian Pendidikan Kesehatan, Kementerian Kesehatan Malaysia

*Corresponding author: yessy@moh.gov.my

Dihantar: 30 November 2023 / Diterima: 31 Disember 2023

Received date: 30 November 2023 / Accepted date: 31 December 2023

Sokongan masyarakat menentukan kejayaan sesuatu kempen terutamanya kempen yang berkaitan dengan isu kesihatan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sokongan rakyat Malaysia terhadap Kempen Speak Out serta keberanian mereka untuk menegur perokok yang merokok di sekeliling mereka dan ahli keluarga mereka. Data diekstrak daripada Tinjauan Kementerian Kesehatan Malaysia (KKM) terhadap Kempen Speak Out Kebangsaan pada tahun 2019. Golongan dewasa berumur 18 tahun dan ke atas terlibat dalam kajian ini. Analisis khi kuasa dua dan binominal logistik regrasi dijalankan untuk mengkaji hubungan dan pengaruh antara keupayaan untuk menegur perokok dengan sosiodemografi, pendapat terhadap asap rokok bekas dan ketiga dan sokongan terhadap Kempen Speak Out. Daripada 3403 responden yang terlibat, 54.6% berani menegur perokok yang merokok di sekeliling mereka dan ahli keluarga mereka. Keputusan juga menunjukkan bahawa 94.5% responden menyokong kempen Speak Out. Umur, jenis pekerjaan, zon kediaman, status merokok, mempunyai ahli keluarga yang merokok, mempunyai ahli keluarga dan rakan yang merokok di dalam rumah, pendapat terhadap perokok ketiga, sokongan terhadap Kempen Speak Out dan sokongan perjanjian untuk menegur perokok yang asap di tempat awam mempunyai hubungan yang signifikan ($k < .05$) dengan keberanian menegur perokok. Walau bagaimanapun, analisis pengaruh menunjukkan bahawa pelajar universiti, golongan bukan perokok, tidak tinggal bersama perokok, tidak mengetahui bahaya atau asap rokok basi dan asap rokok tertier, tidak bersetuju dengan tindakan menegur perokok, tinggal di Pantai Timur Malaysia dan usia yang lebih muda tidak mempunyai keberanian untuk menegur perokok yang merokok di dalam rumah. Kempen Speak Out yang telah diperkenalkan pada tahun 2019 telah mendapat sokongan yang baik daripada rakyat Malaysia dan telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesehatan Sedunia. Kajian ini membuktikan bahawa Kempen Speak Out adalah relevan untuk dijalankan pada masa kini dan dapatan kajian ini juga menekankan keperluan kajian masa depan yang memfokuskan kepada pengetahuan, sikap dan amalan terhadap asap rokok basi dan asap rokok tertier dalam kalangan rakyat Malaysia. Justeru itu, pihak KKM digesa untuk meneruskan kempen Speak Out ini dan menggembelng tenaga dan kepakaran daripada pelbagai pihak dalam usaha untuk mendidik masyarakat Malaysia melindungi diri dan keluarga mereka daripada bahaya asap rokok basi dan asap rokok tertier ini.

Kata kunci: promosi kesihatan, pendidikan kesihatan, asap rokok sekunder, asap ketiga, kempen speak out

The effectiveness of a campaign, particularly one concerning on health, is determined by community support. The primary objective of this study is to determine Malaysians' support for the Speak Out Campaign, as well as their courage to confront smokers who smoke around them and their family members. Data was obtained from the Ministry of Health's Malaysia (MOHM) 2019 National Speak Out Campaign survey. The participants in this study were adults aged 18 and above. The capacity to chastise smokers with sociodemographic, view on second-hand and third-hand smoking, and support for the Speak Out Campaign were investigated using chi-square and binomial logistic regression analyses. Of the 3403 participants, 54.6 percent were brave enough to face smokers who inflict smoke near them or their loved ones. Additionally, 94.5 percent of respondents strongly support the Speak Out campaign, according to the statistics. The courage to reprimand smokers is significantly correlated ($p < 0.05$) with age, occupation type, residential zone, smoking status, having a family member who smokes, having family members and friends who smoke indoors, the awareness on third-hand smoke, support for the Speak Out Campaign, and support for an agreement to reprimand smokers who smoke in public places. Nevertheless, the influence analysis reveals that university students, nonsmokers, do not live with smokers, are unaware of the risks associated with second-hand and third-hand smoke, do not agree with the act of reprimanding smokers, reside on Malaysia's East Coast and younger age does not have the courage to rebuke smokers who smoke around them significantly. The World Health Organization has acknowledged the 2019 Speak Out campaign, which has garnered positive support from Malaysians. The results of this study highlight the need for more research on Malaysians' understanding, attitudes, and practices regarding second-hand and third-hand smoke. It also proves that the Speak Out Campaign is still relevant today. Therefore, the Ministry of Health is urged to continue this Speak Out campaign and mobilize energy and expertise from various parties in an effort to educate Malaysians to protect themselves and their families from the dangers of second-hand and third-hand smoke.

Keywords: health promotion, health education, second-hand smoke, third-hand smoke, speak out campaign

Amalan penggunaan produk tembakau telah membunuh kira-kira 8 juta orang termasuk 1.3 juta orang dalam kalangan bukan perokok namun terdedah kepada asap rokok basi (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, WHO 2023). Menyedari akan bahayanya rokok kepada manusia, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil pelbagai pendekatan untuk membantu perokok berhenti merokok. Kempen promosi anti merokok yang terbesar dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah Kempen Tak Nak Merokok. Kempen ini dijalankan kerana menurut Abdullah (2004), kerajaan memandang serius amalan merokok yang mengancam kesihatan rakyat Malaysia. Matlamat Kempen Media TaK Nak Merokok yang dilancarkan pada tahun 2004 adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang akibat buruk amalan merokok. Kumpulan sasar kempen terdiri daripada remaja, murid sekolah, golongan dewasa dan perokok yang meliputi segenap masyarakat (Bahagian Pendidikan Kesihatan, BPK 2010). Melalui kempen ini, Kementerian Kesihatan Malaysia berhasrat untuk melahirkan masyarakat Malaysia sama ada perokok dan bukan perokok bebas daripada tabiat merokok khususnya yang berkaitan dengan perkara berikut (KKM, 2010):

i. Tidak merokok:

Mendidik dan menyedarkan kumpulan sasar agar tidak mula merokok.

ii. Keinginan untuk berhenti merokok:

Memberi maklumat, dorongan dan sokongan agar kumpulan sasar mempunyai keinginan untuk berhenti merokok.

iii. Persiapan berhenti merokok:

Memberikan maklumat dan kemahiran untuk membuat persiapan berhenti merokok

iv. Berhenti merokok:

Memberi panduan mengenai kaedah-kaedah berhenti merokok

v. Mengekalkan status untuk tidak merokok:

Memberikan panduan dan sokongan kepada kumpulan sasar agar dapat mengekalkan status tidak merokok.

Bagi memastikan kumpulan sasar menerima mesej kempen yang ini, kaedah media berintegrasi digunakan iaitu melalui penerbitan bahan media dan siaran bahan media. Penerbitan bahan media yang terlibat ialah penerbitan iklan televisyen, penerbitan iklan akhbar, penerbitan iklan radio dan penerbitan iklan luar (Table Top) menggunakan empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil (KKM, 2010). Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Hassan et al. (2014) mendapati kempen Tak Nak Merokok atau kempen anti merokok di Malaysia memerlukan inovasi dan penambahbaikan kerana mereka mendapati walaupun kempen Tak Nak Merokok dijalankan dengan aktif, namun jumlah perokok di negara ini semakin bertambah. Sugguhpun begitu, penambahan atau pengurangan jumlah perokok di negara ini bukanlah satu-satunya indikator untuk menentukan kejayaan kempen Tak Nak Merokok. Keadaan ini kerana kebanyakan aktiviti kempen dijalankan adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kumpulan target dan keputusan untuk memodifikasikan tingkah laku masih bergantung kepada seseorang individu. Kempen Tak Nak Merokok walaupun tidak menunjukkan kesan kepada bilangan perokok di negara ini, namun keberhasilan kempen ini dapat dibuktikan melalui laporan Global Adult

Tobacco Survey (2011) yang mendapati 70% perokok di Malaysia mempunyai niat untuk berhenti merokok, malah kajian yang dijalankan oleh Mohamed et al. (2023) semasa pandemik Covid-19 melanda juga mendapati lebih separuh perokok memerlukan pertolongan untuk berhenti merokok. Keadaan ini merupakan sesuatu yang positif kerana dalam usaha menangani isu merokok di Malaysia ini bukan sahaja melibatkan KKM, malah pelbagai pihak termasuk pihak swasta dan NGO. Menurut Warner, (1977) apa jua kejayaan yang dicapai oleh kempen anti-merokok mesti dikreditkan kepada beberapa pihak yang berbeza, baik di dalam dan di luar kerajaan serta dasar kesihatan awam. Oleh itu, bagi meningkatkan lagi motivasi pihak—pihak berkempen ini dalam usaha menangani isu merokok di Malaysia satu inovasi dan penambahbaikan kempen anti merokok adalah diperlukan memandangkan amalan merokok di Malaysia khususnya telah menunjukkan kesan yang buruk, buktinya tingkah laku merokok membunuh lebih daripada 27,200 rakyat Malaysia setiap tahun termasuk golongan bukan perokok (American Cancer Society, 2018).

Sehingga tahun 2018 kerajaan Malaysia banyak bertumpu kepada usaha membantu perokok berhenti merokok. Pada tahun 2019 pula KKM dengan inisiatif mereka telah melancarkan kempen anti merokok yang baru iaitu kempen Speak Out; Express your right (Suarakan hak anda) yang bertujuan memperkasa golongan bukan perokok untuk mengekspresikan hak mereka untuk mendapatkan persekitaran yang bebas asap rokok. Kempen ini telah dilancarkan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia pada tahun 2019 (Utusan Online, 2019). Kempen ini berlangsung selama lima tahun dan memberi fokus kepada kanak-kanak, golongan wanita (wanita mengandung dan suri rumah), pengusaha dan pengendali kedai makanan. Objektif kempen ini adalah:

i. Mengadvokasi masyarakat untuk menyatakan hak mereka kepada perokok yang merokok di sekeliling mereka.

ii. Memberi kesedaran kepada masyarakat bukan perokok bahawa mereka adalah agen utama bagi kempen anti merokok di Malaysia.

iii. Meningkatkan pengetahuan orang ramai tentang bahaya asap rokok basi dan asap rokok tertier.

Usaha ini merupakan usaha yang baik keadaan ini kerana Kaleta et al. (2015) mendapati asap rokok basi merupakan masalah kesihatan awam yang utama. Individu yang tidak merokok namun terdedah kepada asap rokok basi secara signifikan dikaitkan dengan prevalens hipertensi, angina, dan strok (Lee et al. 2017). Oleh itu, melalui pelancaran kempen ini, satu tinjauan kebangsaan telah dijalankan bagi mengukur sokongan dan keberanian rakyat. Keadaan ini kerana sokongan komuniti di Malaysia dilihat penting dalam usaha menjayakan kempen ini dan menjadikan negara Malaysia bebas daripada asap rokok selari dengan kenyataan Suteerangkul et al. (2021) penglibatan komuniti secara langsung dengan kempen anti merokok menentukan kejayaan usaha untuk menjadikan sesebuah negara bebas asap rokok. Melalui pengetahuan pengkaji, kajian ini merupakan kajian pertama terhadap penilaian kempen Speak Out ini semenjak ianya dilancarkan sebelum pandemik Covid-19.

Metode

Data diperolehi daripada tinjauan yang telah dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 18 April 2019 sehingga 31 Mei 2019 bersempena dengan Sambutan Hari Tanpa Tembakau 2019. Seramai 3453 orang responden berumur 18 tahun dan ke atas telah menyertai tinjauan ini. Soal selidik ini dibina dengan menggunakan google form dan disebar luas ke seluruh Malaysia melalui facebook Kementerian Kesihatan Malaysia-Portal Myhealth, facebook Tak Nak Merokok, facebook Kelab Doktor Muda, dan aplikasi whatsapp. Latar belakang dan syarat penyertaan tinjauan ini telah dinyatakan bersama dengan persetujuan peserta untuk menyertai tinjauan ini juga disediakan di dalam lampiran soal selidik yang telah disediakan.

Soal selidik ini mengandungi beberapa soalan tertutup seperti contoh “Adakah anda merokok?”, “Adakah ahli keluarga atau rakan serumah anda merokok?”, “Adakah

mereka merokok di dalam rumah?”, “Patutkah kita menegur perokok yang merokok di sekeliling orang ramai?” ini mengandungi jawapan seperti “Ya” atau “Tidak”, manakala soalan “Adakah anda bersetuju jika Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan/menganjurkan kempen menegur perokok yang merokok di sekeliling orang ramai dan di kawasan larangan merokok?” mengandungi pilihan jawapan “Ya, Saya Bersetuju” atau “Tidak, Saya Tidak Bersetuju” dan bagi soalan “Adakah anda berani menegur perokok yang merokok di sekeliling anda atau keluarga anda?” mengandungi pilihan jawapan “Ya, Saya Berani” atau “Tidak, Saya Tidak Berani”. Bagi soalan yang mengandungi 3 pilihan jawapan pula adalah “adakah asap rokok basi (secondhand smoke) berbahaya?” dan “adakah asap rokok tertier (thirdhand smoke) berbahaya?” yang mengandungi pilihan jawapan seperti “Ya” atau “Tidak” atau “Tidak Pasti”.

Data diperolehi daripada seluruh 13 negeri di Malaysia termasuk W.P Kuala Lumpur, W.P Putrajaya dan W.P. Labuan dan dikategorikan mengikut lima zon seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Senarai Zon Dan Negeri yang Terlibat di dalam Kajian Ini

No	Zon	Negeri
1	Selatan	Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan
2	Tengah	Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya
3	Utara	Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis
4	Pantai Timur	Pahang, Terengganu dan Kelantan
5	Malaysia Timur	W.P. Labuan, Sabah dan Sarawak

Data telah diekstrak daripada google form melalui perisian excel dan telah menjalani proses pembersihan data dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 25. Kajian ini meliputi laporan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan analisis khi kuasa dua. Umur, jantina, pekerjaan, status merokok, zon tempat tinggal, mempunyai ahli keluarga merokok, mempunyai ahli keluarga dan rakan yang merokok di dalam rumah, kenyataan tentang secondhand smoke dan thirdhand smoke, persetujuan terhadap KKM menganjurkan kempen Speak Out, dan persetujuan supaya perokok yang merokok di sekeliling orang ramai patut ditegur adalah pembolehubah tidak bersandar di dalam kajian ini. Keberanian menegur perokok yang merokok di sekeliling mereka dan keluarga mereka pula merupakan pembolehubah bersandar di dalam kajian ini.

Etika

Kajian ini merupakan tinjauan atas talian formal yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM pada 2019. Tinjauan ini dijalankan sebelum Kempen Speak Out: Express Your Right dilancarkan oleh YB Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain daripada itu, tinjauan ini juga menyediakan maklumat kerelaan peserta untuk menyertai kajian ini yang mana hanya data peserta yang bersetuju untuk menyertai kajian ini dan berumur 18 tahun dan ke atas sahaja dianalisis.

Hasil Kajian

Jadual 2 menunjukkan kebanyakan responden yang menyertai tinjauan ini berumur antara 31 tahun hingga 40 tahun iaitu 41.3% atau seramai 1405 orang diikuti dengan golongan umur 41 hingga 60 tahun, 18 hingga 30 tahun dan 60 tahun dan ke atas. Hasil kajian menunjukkan golongan perempuan yang mengikuti kajian ini adalah 63.6% bersamaan dengan 2164 orang responden dan selebihnya adalah lelaki. Pekerja kerajaan merupakan antara golongan paling ramai menyertai kajian ini dengan bilangan peratusan sebanyak 65.7% bersamaan dengan 2238 orang dan diikuti dengan pekerja swasta, golongan yang tidak bekerja dan pelajar. Majoriti responden di dalam kajian ini adalah golongan bukan perokok iaitu 93.6% bersamaan dengan 3186 orang responden dan hanya 6.3% atau 217 orang perokok menyertai kajian ini. Bagi responden mengikut zon, majoriti responden adalah daripada zon pantai timur dengan jumlah responden seramai 1078 iaitu 31.7% diikuti dengan zon Tengah, zon Utara, zon Selatan dan zon Malaysia Timur. Hampir separuh iaitu 40.1% atau 1366 orang respondendi dalam kajian ini mempunyai ahli keluarga yang merokok dan 17.4% atau 592 orang responden daripada keseluruhan kajian ini mempunyai ahli keluarga dan rakan-rakan yang merokok di dalam rumah mereka.

Jadual 2
Sosio-demografi Responden

Karakteristik	N=3403	%
Umur		
18-30 tahun	880	25.9
31-40 tahun	1405	41.3
41-60 tahun	1092	32.1
60 tahun dan ke atas	26	0.8
Jantina		
Lelaki	1239	36.4
Perempuan	2164	63.6
Pekerjaan		
Kerajaan	2238	65.7
Swasta	541	15.9
Sendiri	229	6.7
Tidak bekerja	213	6.3
Pelajar IPT	182	5.3
Status merokok		
Bukan perokok	3186	93.6
Perokok	217	6.4
Tempat tinggal mengikut zon di Malaysia		
Zon Selatan	405	11.9
Zon Tengah	893	26.2
Zon Utara	573	16.8
Zon Pantai Timur	1078	31.7
Zon Malaysia Timur	454	13.3
Mempunyai ahli keluarga atau rakan serumah yang merokok		
Ya	1366	40.1
Tidak	2037	59.9
Mempunyai ahli keluarga atau rakan serumah yang merokok di dalam rumah		
Ya	592	17.4
Tidak	2811	82.6

Jadual 3 di bawah melaporkan kajian ini mendapati 10.7% atau 364 orang daripada responden yang menyertai kajian ini tidak pasti sama ada asap rokok basi berbahaya atau tidak manakala 47 orang atau 1.4% responden menyatakan asap rokok basi tidak berbahaya. Bagi asap rokok tertier pula 610 orang atau 17.9% daripada responden kajian ini tidak pasti sama ada asap rokok tertier berbahaya manakala 50 orang atau 1.5% responden menyatakan asap rokok tertier tidak berbahaya.

Jadual 3
Pengetahuan Tentang Asap Rokok Basi dan Asap Rokok Tertier

Penyataan	N=3403	%
Asap rokok basi berbahaya		
Ya	2993	87.9
Tidak	47	1.4
Tidak pasti	364	10.7
Asap rokok tertier berbahaya		
Ya	2743	80.6
Tidak	50	1.5
Tidak pasti	610	17.9

Melalui Jadual 4 di bawah dapat dilihat bahawa 96.7% atau 3289 responden yang menyertai kajian ini bersetuju terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan kempen Speak out: Express Your Right. Kajian juga mendapati 94.5% atau 3217 orang responden di dalam kajian ini bersetuju supaya perokok yang merokok disekeliling orang ramai patut ditegur. Walau

bagaimanapun, hasil kajian mendapati hanya 54.8% iaitu 1866 orang responden di dalam kajian ini berani menegur perokok yang merokok di sekeliling mereka dan disekeliling ahli keluarga mereka.

Jadual 4

Sokongan terhadap kempen Speak Out

Penyataan	N=3403	%
Persetujuan terhadap KKM menganjurkan kempen SOEYR		
Bersetuju	3289	96.7
Tidak bersetuju	114	3.3
Persetujuan supaya perokok yang merokok di sekeliling orang ramai patut ditegur		
Bersetuju	3217	94.5
Tidak bersetuju	186	5.5
Keberanian menegur perokok yang merokok di sekeliling mereka dan keluarga mereka		
Berani	1866	54.8
Tidak berani	1537	45.2

Hasil kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina, status mempunyai ahli keluarga dan rakan yang merokok di dalam rumah dan tahu tentang bahaya asap rokok basi dengan keberanian menegur perokok iaitu nilai $k > .05$. Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan iaitu nilai $k < .05$ antara umur, pekerjaan, zon tempat tinggal, status merokok, mempunyai ahli keluarga dan rakan serumah yang merokok, tahu tentang asap rokok tertier, persetujuan terhadap kempen speak out dan persetujuan supaya menegur perokok dengan keberanian untuk menegur perokok.

Jadual 5

Hubungan antara Keberanian Menegur Perokok yang Merokok di Sekeliling Responden dan Keluarga dengan Faktor Sosiodemografi, Kenyataan Tentang Asap Rokok Basi dan Asap Rokok Tertier Serta Pendapat Terhadap Kempen Speak Out.

Karakteristik	Berani (n=1886)	Tidak berani (n=1568)	P
Umur			
18 – 30 tahun	415(47.2%)	465(52.8%)	<0.000**
31 – 40 tahun	777(55.3%)	628(44.7%)	
51 – 60 tahun	656(60.1%)	436(39.9%)	
60 tahun dan ke atas	18(69.2%)	8(30.8%)	
Jantina			
Lelaki	683(55.1%)	556(44.9%)	0.412
Perempuan	1183(54.7%)	981(45.3%)	
Pekerjaan			
Kerajaan	1250(55.9%)	988(44.1%)	0.002**
Swasta	298(55.1%)	243(44.9%)	
Sendiri	131(57.2%)	98(42.8%)	
Tidak bekerja	113(53.1%)	100(46.9%)	
Pelajar IPT	74(40.7%)	108(59.3%)	
Tempat tinggal mengikut zon di Malaysia			
Zon Selatan	240(59.3%)	165(40.7%)	0.042**
Zon Tengah	501(56.1%)	392(43.9%)	
Zon Utara	310(54.1%)	263(45.9%)	
Zon Pantai Timur	555(51.5%)	532(48.5%)	
Zon Malaysia Timur	260(57.3%)	194(42.7%)	
Status merokok			
Perokok	133(61.3%)	84(38.7%)	0.049**
Bukan perokok	1733(54.4%)	1453(45.6%)	

Mempunyai ahli keluarga atau rakan serumah yang merokok				
	Ya	802(58.7%)	564(41.3%)	<0.000**
	Tidak	1064(52.2%)	973(47.8%)	
Mempunyai ahli keluarga atau rakan serumah yang merokok di dalam rumah				
	Ya	347(58.6%)	245(41.4%)	0.046**
	Tidak	1519(54%)	1310(46%)	
Asap rokok basi berbahaya				
	Ya	1651(55.2%)	1341(44.8%)	0.539
	Tidak	24(51.5%)	23(48.9%)	
	Tidak Pasti	191(52.5%)	173(47.5%)	
Asap rokok tertier berbahaya				
	Ya	1551(56.5%)	1192(43.5%)	<0.000**
	Tidak	24(48%)	26(52%)	
	Tidak Pasti	291(47.7%)	319(52.3%)	
Persetujuan terhadap KKM menganjurkan kempen Speak Out				
	Bersetuju	1800(56%)	1417(44%)	<0.000**
	Tidak bersetuju	66(35.5%)	120(64.5%)	
Persetujuan supaya perokok yang merokok di sekeliling orang ramai patut ditegur				
	Bersetuju	1816(55.2%)	1473(44.8%)	<0.000**
	Tidak bersetuju	50(43.9%)	120(56.1%)	

Ujian khi kuasa dua k < .05**

Jadual 6 di bawah menunjukkan umur yang lebih muda, pelajar IPT, tidak mempunyai ahli keluarga atau rakan serumah yang merokok, tahu tentang bahaya asap rokok basi, tidak tahu tentang bahaya asap rokok tertier, tidak bersetuju dengan menegur perokok dan tinggal di zon Pantai Timur meramal tingkah laku tidak berani menegur perokok yang merokok.

Jadual 6

Pengaruh antara Keupayaan untuk Menegur Perokok dengan Sosiodemografi, Pendapat Terhadap Asap Rokok Bekas dan Ketiga Dan Sokongan Terhadap Kempen Speak Out

Faktor	Nilai p	Odd ratio	CI 95%	
			Lower	Upper
Umur_K	.000	.766**	.697	.842
Jantina(1)	.529	1.051	.901	1.225
Status Pekerjaan Anda	.205			
Status Pekerjaan Anda (1)	.965	.996	.818	1.212
Status Pekerjaan Anda (2)	.834	.970	.732	1.287
Status Pekerjaan Anda (3)	.324	1.156	.867	1.541
Status Pekerjaan Anda (4)	.028	1.447**	1.042	2.010
Adakah Anda Merokok(1)	.003	1.637**	1.188	2.255
Adakah Ahli Keluarga Atau Rakan Serumah Anda Merokok?(1)	.000	1.369**	1.158	1.618
Adakah Mereka Merokok Di Dalam Rumah?(1)	.514	1.075	.866	1.335
Adakah Anda Tahu Tentang Asap Rokok Basi (Secondhand Smoke) Dan Asap Rokok Tertier (Thirdhand Smoke)(1)	.066	1.212	.987	1.489
Adakah Asap Rokok Basi (Secondhand Smoke) Berbahal?(1)	.004	.636**	.467	.868
Adakah Asap Rokok Tertier (Thirdhand Smoke) Berbahal?(1)	.000	1.570**	1.244	1.982
Patutkah Kita Menegur Perokok yang Merokok Disekeliling Orang Ramai? (1)	.000	2.824**	1.911	4.173
Adakah Anda Bersetuju Jika Kementerian Kesihatan Malaysia Menjalankan/Menganjurkan Kempen	.998	.999	.604	1.653

Menegur Perokok Ing Merokok Di Sekeliling Orang Ramai Dan Di Kawasan Larangan Merokok?(1)

Zon	.028			
Zon(1)	.185	1.181	.924	1.511
Zon(2)	.114	1.238	.950	1.614
Zon(3)	.004	1.427**	1.124	1.812
Zon(4)	.421	1.121	.848	1.483

Ujian binominal logistik regrasi $k < .05^{**}$

Perbincangan

Usaha KKM dalam melancarkan kempen Speak Out ini dilihat relevan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana hampir kesemua responden yang menyertai tinjauan ini menyokong usaha KKM menjalankan kempen Speak Out. Majoriti responden yang terlibat di dalam kajian ini juga bersetuju supaya perokok yang merokok di sekeliling orang ramai patut ditegur. Kajian ini juga mendapati golongan yang menyokong kempen Speak Out ini dijalankan lebih berani menegur perokok yang merokok disekeliling mereka. Selain daripada itu juga, hasil kajian ini berpotensi menjadi punca kuasa kepada pihak KKM dalam mengenalpasti golongan yang menjadi sasaran dan hala tuju kempen Speak Out ini. Analisis binominal logistik regrasi mencadangkan supaya selain menjalankan kempen Speak Out untuk semua lapisan masyarakat, terdapat beberapa golongan yang perlu dijadikan sasaran kempen ini termasuk golongan muda, pelajar, golongan yang tidak merokok, golongan yang tidak mempunyai rakan atau ahli keluarga yang merokok, golongan yang tidak tahu tentang asap rokok basi dan asap rokok tertier dan golongan yang berada di zon Pantai Timur.

Hasil kajian ini berupaya menyediakan data yang empirikal terhadap pihak KKM untuk menambahbaik aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan di peringkat institusi pembelajaran kerana hasil kajian menunjukkan golongan muda dan pelajar lebih cenderung untuk tidak berani menegur perokok yang merokok disekeliling mereka. Menurut Smaall dan Hunter, (2014) pendidikan adalah kunci untuk melindungi kanak-kanak daripada asap rokok. Selain daripada itu aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan tentang cara menegur, cara bertindak balas dan cara menyalurkan aduan terhadap perokok yang merokok dikawasan larangan juga adalah dianjurkan. Keadaan ini kerana berkemungkinan kebanyakan rakyat Malaysia terutama golongan bukan perokok, dan golongan yang tidak mempunya ahli keluarga atau rakan yang merokok tidak tahu cara menegur dan kkuatir akan dikasari oleh perokok seperti mana kes yang berlaku pada tahun 2019 dimana Zainal, (2019) melaporkan pelayan restoran ditampar kerana menegur perokok merokok di premis mereka. Oleh itu melalui kempen ini, individu, keluarga dan masyarakat didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran tentang cara untuk melindungi diri mereka daripada asap rokok basi dan asap rokok tertier.

Dapatan kajian juga menunjukkan keberanian responden untuk menegur perokok adalah selari dengan golongan yang berpendapat bahawa asap rokok basi berbahaya. Walau bagaimanapun, majoriti daripada golongan yang berpendapat bahawa asap rokok tertier tidak bahaya atau tidak pasti sama ada asap rokok tertier bahaya ataupun tidak ini tidak berani untuk menegur perokok. Oleh itu kajian ini telah membuktikan pengetahuan tentang bahaya asap rokok basi dan asap rokok tertier juga mampu menentukan keberanian seseorang untuk menegur perokok. Ini kerana menurut

Petersen et al. (2018) kesedaran tentang bahaya asap rokok basi dan kesan merokok mampu memberi kekuatan kepada sesebuah komuniti untuk melindungi diri dari beban penyakit akibat penggunaan produk tembakau. Sehubungan dengan itu promosi dan pendidikan kesihatan tentang bahaya asap rokok basi dan asap rokok tertier perlu dipergiat dan dijalankan dengan agresif. Keadaan ini kerana menurut Cheat et al. (2018) aktiviti pendidikan mempunyai perkaitan yang signifikan terhadap kesedaran tentang asap rokok basi.

Justeru itu, pihak KKM digesa untuk meneruskan kempen Speak Out ini dan menggembleng tenaga dan kepakaran daripada pelbagai pihak dalam usaha untuk mendidik masyarakat Malaysia melindungi diri dan keluarga mereka daripada bahaya asap rokok basi dan asap rokok tertier ini.

Cadangan dan Kesimpulan

Melalui hasil kajian ini dapat dicadangkan bahawa promosi dan pendidikan kesihatan perlu giat dijalankan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dan pelajar sekolah, kesemua zon di Malaysia terutama zon Pantai Timur dan golongan bukan perokok. Selain daripada itu, kajian empirikal berkenaan dengan tingkah laku melindungi diri daripada bahaya asap rokok basi dan tingkah laku menegur perokok yang merokok disekeliling perlu giat dijalankan bagi memastikan rakyat Malaysia benar-benar bersedia menjadi agen kepada kempen anti-merokok di Malaysia. Kempen Speak Out yang telah diperkenalkan pada tahun 2019 telah mendapat sokongan yang baik daripada rakyat Malaysia dan telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (bukti). Kajian ini membuktikan bahawa kempen Speak Out adalah relevan untuk dijalankan pada masa kini dan dapatan kajian ini juga menekankan keperluan kajian masa depan yang memfokuskan kepada pengetahuan, sikap dan amalan terhadap asap rokok bekas dan ketiga di kalangan rakyat Malaysia.

Kewangan

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan dan bantuan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- American Cancer Society. (2018). *Tobacco Atlas*. 6th ed. RR Donnelly. China. Retrieved from https://theunion.org/sites/default/files/2020-12/TobaccoAtlas_6thEdition_LoRes.pdf
- Cheah, Y. K., Teh, C. H., & Lim, H. K. (2018). Factors associated with second-hand smoke awareness in Malaysia. *Proceedings of Singapore Healthcare*, 27(3) 148–156. Retrieved from <https://doi.org/10.1177/2010105817747627>
- Global Adult Tobacco Survey Malaysia. (2011). *Codebook: Malaysia 2011*. Kuala Lumpur. Retrieved from https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/Umum/GATS_Malaysia.pdf
- Hassan, H., Yusof, N., Hashim, R. A. (2014). Faktor rintangan ke atas kempen Tak Nak Merokok. *Malaysia Journal of Communication*, 30(1), 75–95.
- Kaleta, D., Polanska, K., & Usidame, B. (2015). Smoke-free workplaces are associated with protection from second-hand smoke at homes in Nigeria: Evidence for population-level decisions. *BioMed Research International*, 618640. <https://doi.org/10.1155/2015/618640>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2005). *Manual latihan kebangsaan: Membantu perokok berhenti merokok untuk profesional kesihatan di klinik berhenti merokok hospital dan klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Pendidikan Kesihatan.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2010). *Laporan Kempen Media TaK Nak Merokok 2009*. Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Lee, W., Hwang, S. H., Choi, H., & Kim, H. (2017). The association between smoking or passive smoking and cardiovascular diseases using a Bayesian hierarchical model: Based on the 2008-2013 Korea Community Health Survey. *Epidemiology and health*, 39, e2017026. Retrieved from <https://doi.org/10.4178/epih.e2017026>
- Mohamed, M. H., Nik Mohamed, M. H., Misd, Y. O., Chua, B. S., George Albert, W. K., & Mohd Dahlan, M. F. (2023). COVID-19 pandemic: Help-seeking for smoking cessation among adult smokers in Malaysia during the Full Movement Control Order (FMCO). *IIUM Medical Journal Malaysia*, 22(1). Retrieved from <https://doi.org/10.31436/imjm.v22i1.2164>
- Petersen, A. B., Thompson, L. M., Dadi, G. B., Tolcha, A., Cataldo, J. K. (2018). An exploratory study of knowledge, attitudes, and beliefs related to tobacco use and second hand smoke among women in Aleta Wondo, Ethiopia. *BMC Women's Health* 18, 154–164. Retrieved from <https://doi.org/10.1186/s12905-018-0640-y>
- Utusan Online. (2019, Mei 4). Kempen Speak Out: Perkasa bukan perokok nyatakan hak bebas asap rokok. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/nasional/2019/05/kempen-speak-out-perkasa-bukan-perokok-nyatakan-hak-bebas-asap-rokok/>
- Warner, K. E. (1977). The effect of the anti-smoking campaign on cigarette consumption. *American Journal of Public Health*, 67(7), 645–650. Retrieved from <https://doi.org/10.2105/ajph.67.7.645>
- World Health Organization. (2023). *Tobacco*. Retrieved from <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/tobacco#:~:text=Tobacco%20kills%20mo>
- [re%20than%208.%2D%20and%20middle%2Dincome%20countries](https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/tobacco#:~:text=Tobacco%20kills%20more%20than%208.%2D%20and%20middle%2Dincome%20countries). [3 August 2023]
- Zainal, S. R. (2019, Jan 3). Insiden pelayan ditampar kerana tegur perokok menyedihkan. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/nasional/2019/01/insiden-pelayan-ditampar-kerana-tegur-perokok-menyedihkan/>